



***KONSEP KENDIRI, EFIKASI KENDIRI DAN KEPASTIAN KERJAYA  
SEBAGAI PERAMAL KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN PELAJAR  
PROGRAM KEJURUTERAAN KOLEJ VOKASIONAL DI SELANGOR,  
MALAYSIA***

**NURUL SHAZWANI BAKRY**

**FPP 2020 12**



**KONSEP KENDIRI, EFIKASI KENDIRI DAN KEPASTIAN KERJAYA  
SEBAGAI PERAMAL KEMAHIRAN KEMAMPUAN KEBOLEHKERJAAN PELAJAR  
PROGRAM KEJURUTERAAN KOLEJ VOKASIONAL DI SELANGOR,  
MALAYSIA**

Oleh

**NURUL SHAZWANI BAKRY**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

**November 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KONSEP KENDIRI, EFIKASI KENDIRI DAN KEPASTIAN KERJAYA  
SEBAGAI PERAMAL KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN PELAJAR  
PROGRAM KEJURUTERAAN KOLEJ VOKASIONAL DI SELANGOR,  
MALAYSIA**

Oleh

**NURUL SHAZWANI BINTI BAKRY**

**November 2019**

**Pengerusi : Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kemahiran kebolehkerjaan merupakan antara kemahiran yang penting dan perlu diberi keutamaan oleh majikan untuk mendapatkan pekerja. Maklum balas dari pihak majikan menunjukkan kurangnya kemahiran kebolehkerjaan dalam kalangan pelajar yang mengakibatkan kesukaran kepada mereka untuk bekerja dalam pasaran industri di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kemahiran kebolehkerjaan pelajar program kejuruteraan di kolej vokasional di Selangor. Kajian ini ialah penyelidikan kuantitatif dengan pendekatan deskriptif yang berbentuk kolerasi. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran kebolehkerjaan pelajar di samping mengkaji hubungan antara kemahiran kebolehkerjaan pelajar tersebut dengan faktor-faktor peramal konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya. Kajian ini melibatkan 303 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tahun 1 Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang berusia 18 tahun dan pelajar Tahun 2 DVM yang berusia 19 tahun di kolej vokasional dalam negeri Selangor. Pensampelan yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah pensampelan rawak berstrata berkadaran (*proportional stratified random sampling*). Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran kebolehkerjaan, tahap konsep sendiri, dan tahap kepastian kerjaya pelajar kolej vokasional berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala tahap efikasi sendiri berada pada tahap tinggi. Wujud hubungan positif sederhana antara konsep sendiri dan efikasi sendiri dengan kemahiran kebolehkerjaan. Manakala kepastian kerjaya tiada hubungan signifikan dengan kemahiran kebolehkerjaan. Kajian menunjukkan faktor konsep sendiri dan efikasi sendiri menjadi faktor utama dalam mempengaruhi dan meningkatkan kemahiran kebolehkerjaan pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor. Bagi mencapai sasaran program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), tahap kemahiran kebolehkerjaan pelajar perlu berada pada tahap

yang tinggi bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran industri yang mencabar dan dinamik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**SELF CONCEPT, SELF-EFFICACY AND ACHIEVEMENT OF WORK AS PREDICTOR OF EMPLOYABILITY SKILLS AMONG ENGINEERING STUDENTS OF VOCATIONAL COLLEGES IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

**NURUL SHAZWANI BINTI BAKRY**

**November 2019**

**Chairman : Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

Employability skills are among important skills that should be given attention by employers to hire employees. Feedback from employers shows lack of employability skills among students resulting in difficulty for them to secure a job in the industrial market in Malaysia. This study was conducted to examine the predictor factors that influence employability skills of engineering program students in vocational colleges in Selangor. This study is a correlational research with quantitative approach. The study aimed to identify the level of employability skills as well as the relationship with predictor factors; self-concept, self-efficacy and career decision. This study included 303 respondents comprising of 18 years old, year 1 Malaysian Vocational Diploma (DVM) students and 19 years old, year 2 DVM students on engineering programs of vocational colleges in Selangor. The sampling used in this study was proportional stratified random sampling. The findings showed that the level of employability skills, self-concept level, and vocational college student career decision are at a high moderate level. While the level of self-efficacy level is at a high level. There were simple positive relationship between self-concept and self-efficacy with employability skills. While career decision has no significant relationship with employability skills. Studies showed that self-concept and self-efficacy factors are the key factors in influencing and improving the skills of vocational college engineering students in Selangor. In order to meet the targets of the Technical and Vocational Education and Training (TVET) program, students' employability skills level must be high enough to enable them to compete in a challenging and dynamic industrial market.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah ke hadrat Ilahi dan syukur dengan limpah kurnia-Nya serta izin-Nya dapat saya menyiapkan penulisan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Mohd Hazwan Mohd Puad selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis yang telah banyak membantu, membimbing dari awal sehingga akhir penulisan ini siap sepenuhnya. Tidak lupa juga Prof. Madya Dr. Soaib Asimiran selaku ahli jawatankuasa penyeliaan, terima kasih atas segala kerjasama dan teguran yang diberikan.

Alhamdulillah, jutaan kalungan kasih buat suami tercinta Regar bin Efendi yang sentiasa memberi kata-kata semangat, bantuan, nasihat dan dorongan sepanjang tempoh pembelajaran yang tidak ternilai ini dan buat anak-anak ummi Arif Hakimi dan Akif Rayyan, terima kasih kerana memahami kesibukan ummi dan sentiasa memberi ruang kepada ummi untuk menyiapkan penulisan ini hingga akhirnya. InsyaAllah, ummi doakan semoga anak-anak ummi berjaya dengan lebih cemerlang dunia dan akhirat. Tidak lupa buat bonda tercinta Sariah bt Rajab, adik beradik tersayang yang sentiasa mendoakan kejayaan kakak, terima kasih. Tidak lupa juga buat rakan sekerja yang memahami kekangan dan memberikan ruang yang diperlukan dalam urusan kajian ini. Terima Kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menganugerahkan HLPS bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Akhir kata terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Jazakumullah Khairan Kathira.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Soaib Asimiran, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Jun 2020



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Nurul Shazwani binti Bakry, GS45523

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Mohd Hazwan Mohd Puad

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Soaib Asimiran

## JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Skop Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	7
1.9	Definisi Operasional	8
1.9.1	Kemahiran Kebolehkeraan	8
1.9.2	Konsep Kendiri	8
1.9.3	Efikasi Kendiri	8
1.9.4	Kepastian Kerjaya	9
1.10	Kesimpulan	9
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Garis Panduan Kemahiran Kebolehkeraan	10
2.3	Kemahiran Kebolehkeraan	10
2.4	Model Kemahiran Kebolehkeraan	13
2.4.1	<i>Mayer Key Competencies</i> , Australia	14
2.4.2	<i>Key Skills</i> , United Kingdom	14
2.4.3	<i>The Conference Board of Canada</i> , Kanada	15
2.4.4	SCANS, Amerika Syarikat	15
2.4.5	Malaysian Engineering Employability Skills (MEES), Malaysia	15
2.5	Konsep Kendiri	20
2.6	Efikasi Kendiri	21
2.7	Kepastian Kerjaya	23
2.8	Kerangka Teori	25
2.9	Teori Modal Insan	26
2.10	Kerangka Kajian	27
2.11	Kesimpulan	28

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Populasi Kajian	29
3.4	Pemilihan Saiz Populasi	31
3.5	Instrumen Kajian	33
3.5.1	Bahagian A: Kemahiran Keboleherjaan	34
3.5.2	Bahagian B: Konsep Kendiri	34
3.5.3	Bahagian C: Efikasi Kendiri	35
3.5.4	Bahagian D: Kepastian Kerjaya	35
3.5.5	Bahagian E: Demografi Pelajar	35
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	35
3.7	Kajian Rintis	36
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	36
3.9	Analisis Data	37
3.10	Kesimpulan	40
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Demografi Responden	41
4.3	Tahap Konsep Kendiri, Efikasi Kendiri, Kepastian Kerjaya dan Kemahiran Keboleherjaan	44
4.4	Hubungan Konsep Kendiri, Efikasi Kendiri, Kepastian Kerjaya dengan Kemahiran Keboleherjaan	50
4.5	Faktor peramal kemahiran keboleherjaan	51
4.6	Kesimpulan	52
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	53
5.1	Pengenalan	53
5.2	Rumusan Kajian	53
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	55
5.3.1	Tahap konsep sendiri, efikasi sendiri, kepastian kerjaya dengan kemahiran keboleherjaan pelajar program kejuruteraan kolej vokasional di Selangor	55
5.3.2	Hubungan antara konsep sendiri, efikasi sendiri, kepastian kerjaya dengan kemahiran keboleherjaan pelajar program kejuruteraan kolej vokasional di Selangor	59
5.3.3	Faktor–faktor peramal kemahiran keboleherjaan pelajar kejuruteraan Kolej Vokasional di Selangor	61
5.4	Kesimpulan	62
5.5	Implikasi	64
5.6	Cadangan	65
5.6.1	Cadangan kepada Pihak Kementerian Pelajaran	65
5.6.2	Cadangan kepada Pihak Kolej	65
5.6.3	Cadangan kepada Pendidik	66
5.6.4	Cadangan kepada Pihak Industri	66
5.6.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	66

**RUJUKAN  
LAMPIRAN  
BIODATA PELAJAR**

67  
77  
98



© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Perbandingan Kemahiran Keboleherjaan antara beberapa negara	13
2.2 Kemahiran MEES	17
2.3 Kategori Teori Kerjaya, Patton & McMahon (2006), p10	25
3.1 Bidang Teknologi Kejuruteraan di Kolej Vokasional Selangor	30
3.2 Populasi Kajian	30
3.3 Pembahagian Subkumpulan Sampel Rawak Berstrata dan Berkadaran	33
3.4 Instrumen Kajian	34
3.5 Pembahagian item mengikut konstruk	35
3.6 Nilai Cronbach Alpha	36
3.7 Penentuan pemilihan statistik bagi penganalisan	37
3.8 Nilai Skewness dan Kurtosis Pemboleh ubah Kajian	38
3.9 Interpretasi Kemahiran Keboleherjaan	38
3.10 Interpretasi Konsep Kendiri	39
3.11 Interpretasi Kepastian Kerjaya	39
3.12 Interpretasi Efikasi Kendiri	39
3.13 Pekali Korelasi Pearson	40
4.1 Demografi Responden (N=303)	42
4.2 Analisis Pendedahan Tentang Kerjaya / Pekerjaan Pelajar	43
4.3 Analisis Tahap Konsep Kendiri pelajar Kejuruteraan Kolej Vokasional	45
4.4 Analisis Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Kejuruteraan Kolej Vokasional	46
4.5 Analisis Tahap Kepastian Kerjaya Pelajar Kejuruteraan Kolej Vokasional	48

4.6	Analisis Tahap Kemahiran Kebolehkerjaan Pelajar Kejuruteraan Kolej Vokasional	49
4.7	Ujian Korelasi Pearson Bagi Kemahiran Kebolehkerjaan dengan Konsep Kendiri, Efikasi Kendiri dan Kepastian Kerjaya	51
4.8	Analisis model Kemahiran Kebolehkerjaan	51
4.9	Analisis Regresi Pelbagai untuk Konsep Kendiri, Efikasi Kendiri, Kepastian Kerjaya dengan Kemahiran Kebolehkerjaan (N=303)	52



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Kerangka Kerja Kemahiran Kebolehkeraan Kejuruteraan Malaysia, (MEES oleh Azami et al., 2010)	16
2.2 Model Kebolehkeraan USEM	26
2.3 Kerangka Kajian	28





## SENARAI SINGKATAN

KV	Kolej Vokasional
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional
TPV	Transformasi Pendidikan Vokasional
PTVT	Program Transformasi Vokasional Dan Teknikal
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
MEES	<i>Malaysia Engineering Employability Skills</i>
GSE	<i>General Self Efficacy</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
PNGKV	Purata Nilai Gred Kumulatif Vokasional
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Diikuti dengan kepentingan kajian, limitasi yang membatasi kajian. Seterusnya penerangan definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Kolej Vokasional (KV) di Malaysia merupakan sebuah institusi pendidikan yang memberikan peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran selepas peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dengan menawarkan keseimbangan dari segi teori dan praktikal. Penubuhan kolej vokasional pada asalnya bertujuan menyediakan pihak industri dengan tenaga kerja mahir dan separuh mahir dan berubah mengikut peredaran masa dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kolej Vokasional juga berhasrat melahirkan pelajar berkemahiran tinggi dalam bidang pekerjaan dan menepati kehendak industri serta memupuk watak profesional yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kolej Vokasional pada asalnya ialah Sekolah Menengah Teknik dan telah ditukarkan dengan tujuan memperkasa sistem pendidikan vokasional khususnya serta mengubah pandangan masyarakat bahawa pengajian vokasional adalah untuk pelajar yang ingin meningkatkan kemahiran dalam bidang vokasional. Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional (BPTV) membuat Perubahan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) pada tahun 2012, Program Transformasi Vokasional dan Teknikal (PTVT) yang melibatkan sekolah menengah teknik dan vokasional rintis yang dinaik taraf menjadi KV (Laporan Ekonomi, 2018). Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, PPPM (2013) perubahan yang berlaku bertujuan meningkatkan mutu serta kualiti sistem pendidikan di Malaysia bagi menghadapi cabaran dan masa depan yang berubah-ubah serta mencabar.

Sejajar dengan hasrat KPM dalam PPPM (2013) transformasi PTVT dilaksanakan dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang berpendapatan tinggi. Ini dilaksanakan dengan harapan ia menjadi sandaran transformasi sekurang-kurangnya 46 peratus pekerjaan di perlukan yang berkelayakan dalam bidang teknik dan vokasional. Justeru, kementerian meningkatkan akses pendidikan dengan memperluaskan bidang pendidikan teknikal dan vokasional khususnya kepada pelajar yang cenderung kepada bidang kemahiran. Transformasi ini melibatkan 15 buah sekolah menengah vokasional (SMV) yang terpilih untuk menjadi KV rintis pada tahun 2012 terdiri daripada SMV Arau, SMV Sungai Petani 1, SMV Balik Pulau, SMV Seri Manjung, SMV Shah Alam, SMV (ERT) Setapak, SMV Datuk Seri Mohd Zin, SMV Dato' Lela Maharaja, SMV Kluang, SMV Muadzam Shah, SMV Pengkalan

Chepa, SMV Kuala Terengganu, SMV Labuan, SMV Beaufort dan SMV Kuching. Seterusnya pada tahun 2013 perubahan Sekolah Menengah Teknik (SMT) di seluruh Malaysia dinaik taraf menjadi KV. Kaedah penilaian dan pentaksiran secara baharu diperkenalkan, kemahiran guru diperkasakan, jaringan kerjasama industri dikukuhkan bersama dengan semakan semula kurikulum vokasional (PPPM, Gelombang 1 (2013-2015)). Pindaan akta pendidikan serta rombakan dalam kurikulum dilaksanakan dengan harapan dapat melahirkan pelajar diploma lepasan KV sama taraf dengan diploma dari institusi lain (PPPM, Gelombang 2 (2016-2020)). TPV dilaksanakan bagi mencapai matlamat negara maju dalam menyediakan pelajar yang mempunyai modal insan tinggi, kebolehpasaran dan keboleherjaan supaya sentiasa relevan dengan pembangunan ekonomi (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012) berikutan Malaysia menunjukkan jumlah enrolmen pelajar lebih rendah berbanding negara Asia lain seperti Indonesia, Thailand, Korea dan Singapura dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional.

Sehubungan itu, pada tahun 2013 sebanyak 65 buah SMV telah di naik taraf menjadi KV. Kini terdapat 81 buah KV beroperasi di seluruh Malaysia termasuk penambahan 6 buah KV baharu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Dari keseluruhan KV yang beroperasi terdapat lebih dari 20 program ditawarkan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di KV seluruh Malaysia adalah berdasarkan kepada standard kurikulum KV. Program-program ini terdiri daripada kosmetologi, pengajian awal kanak-kanak, seni kulinari, seni reka fesyen, bakeri dan pastri, teknologi automotif, teknologi elektrik, teknologi elektronik, teknologi kimpalan, teknologi pembinaan, teknologi pemesinan industri, teknologi penyejukan dan penyaman udara, teknologi sistem komputer dan rangkaian, teknologi sistem pengurusan pangkalan data dan aplikasi, multimedia kreatif animasi, insurans, kesetiausahaan pentadbiran, pemasaran, pengurusan peruncitan, perakaunan, agroindustri tanaman, agroindustri ternakan ruminan, agroindustri ternakan poltri, teknologi mekanisasi agro, bioteknologi, akuakultur, hortikultur, seni bina landskap dan pemprosesan makanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) ialah kurikulum pendidikan khusus untuk pelajar yang mengikuti pendidikan dan latihan vokasional pasca menengah di KV. Peringkat pengajian pasca menengah ini adalah selama dua tahun pengajian. Pelajar yang berjaya akan di anugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan meneruskan pengajian ke peringkat diploma selama dua tahun dalam bidang yang sama. KSKV digubal mengikut standard kompeten bekerja yang ditetapkan oleh organisasi standard pekerjaan dan aras pembelajarannya menepati keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) tahap 1 hingga tahap 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Kandungan KSKV adalah berorientasikan kepada pekerjaan supaya pelajar dapat menghadapi industri dalam mendapatkan pekerjaan kelak.

Selain itu, kandungan pembelajaran berasaskan konsep pekerjaan, nilai keusahawanan dan kemahiran insaniah dengan nisbah antara teori dan amali ialah 30:70. Manakala bagi keseluruhan pembelajaran di KV, pembelajaran akademik dinilai sebanyak 30

peratus manakala pembelajaran vokasional pula sebanyak 70 peratus. Melalui konsep kurikulum ini tiga domain utama menjadi ukuran iaitu jati diri (*hearts-on*), ketajaman minda dan kecekatan (*hands-on*) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2018) terdapat seramai 255,099 graduan lepasan pelbagai institusi pendidikan awam, swasta dan institut latihan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) di seluruh Malaysia pada tahun 2017. Namun kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 0.7 peratus sahaja bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 68.4 peratus berbanding tahun 2017 sebanyak 67.7 peratus. Peratusan penyertaan tenaga buruh menunjukkan masih banyak graduan belum mempunyai pekerjaan daripada keseluruhan 255,099 lepasan TVET. Ini menunjukkan kekurangan kemahiran kebolehkeraan menyebabkan sukar mendapat pekerjaan. Kementerian Pengajian Tinggi (2017) pula menunjukkan hanya 0.3 peratus graduan lepasan TVET mendapat pekerjaan berbanding keseluruhan pelajar yang berada di Kementerian Pengajian Tinggi. Sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, bagi mencapai sasaran 900,000 tenaga kerja dari kalangan pelajar lepasan TVET masih jauh belum mencukupi. Walaupun kadar penyertaan tenaga buruh adalah 68.4 peratus yang melibatkan semua sektor pekerjaan namun ia masih belum dapat menampung keperluan negara maju. Ini memberi gambaran bahawa graduan lepasan pelbagai institusi pendidikan awam, swasta dan institut latihan TVET di seluruh Malaysia masih belum mencukupi dalam melahirkan graduan untuk memenuhi kehendak industri masa kini. Sejajar dengan hasrat KPM menjadikan TVET sebagai landasan kepada negara maju menjelang 2020 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2014) yang akan menjana pertumbuhan ekonomi negara, graduan yang berketerampilan, mempunyai modal insan, berkemahiran kebolehkeraan yang tinggi perlu dilahirkan bagi mencapai tujuan dan hasrat tersebut.

Sejak penubuhan KV, seramai 2,273 graduan daripada 15 KV rintis telah dilahirkan (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2017). Bagi kohort rintis seramai 72.3 peratus iaitu seramai 1,643 graduan yang dikeluarkan oleh KV telah mendapat tempat di alam pekerjaan setelah menamatkan pengajian (Haradian Hamdan, 2016). Banyak kajian telah melaporkan bahawa kurangnya kemahiran kebolehkeraan dalam kalangan graduan. Bagi melahirkan lebih ramai graduan untuk berada di pasaran industri, elemen utama yang diperlukan adalah memiliki kemahiran kebolehkeraan yang baik di samping kemahiran teknikal dan akademik. Menurut Norzaina dan Mohd Mokhtar (2017) kemahiran kebolehkeraan adalah kemahiran selain dari pengetahuan akademik yang diperlukan oleh majikan pada masa kini. Nik, Azmi, Rusyda, Arena dan Khairani (2012) juga menyatakan bahawa majikan memerlukan pekerja yang lebih mudah dalam menjalankan kerja serta memiliki kemahiran kebolehkeraan yang tinggi. Oleh itu, kemahiran kebolehkeraan pelajar perlu dikaji agar dapat membantu TVET melahirkan graduan yang berkemahiran kebolehkeraan di samping memiliki nilai modal insan yang baik. Kemahiran kebolehkeraan ini amat penting bagi setiap graduan bagi memastikan tahap kebolehpasaran mereka tinggi di pasaran kerja terbuka masa kini. Ia bertujuan untuk memberikan input dan kemahiran yang perlu ada pada graduan lepasan kolej vokasional dengan kemahiran terkini yang diaplikasikan oleh industri. Kekurangan hebahan dan kepekaan graduan itu sendiri yang menyukarkan pelbagai program peningkatan ilmu berkenaan kerjaya yang

dianjurkan oleh kerajaan. Justeru, perkara ini amatlah membimbangkan kerana sesuatu perancangan itu tidak akan berjalan lancar tanpa penglibatan dan usaha keras semua pihak semada graduan, ibu bapa, pensyarah, kolej mahupun pihak kementerian sendiri. Pemantauan secara berkala juga amatlah penting kepada struktur dan dapatan program peningkatan kemahiran kebolehkeraan ini bagi memastikan perancangan berjalan dengan lancar dan berjaya.

Secara khususnya, keputusan kajian ini boleh digunakan untuk menyediakan langkah yang boleh di ambil untuk menyediakan pelajar yang memiliki kemahiran kebolehkeraan yang baik. Namun, terdapat beberapa faktor yang terlibat dalam kajian ini yang diramal dapat mempengaruhi kemahiran kebolehkeraan. Pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini adalah konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya.

Kualiti jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam diri pelajar yang seimbang mengikut Falsafah Pendidikan Negara dapat melahirkan pelajar yang memiliki konsep sendiri yang positif serta menjadi aset kepada negara (Zahari Ishak, 2009). Pelajar yang memiliki konsep sendiri yang positif dapat membantu pelajar mencapai kejayaan cemerlang (Azizi Yahya dan Norlaily Ahmad, 2006). Konsep sendiri dalam diri pelajar adalah penting kerana ia dapat mempengaruhi kerjaya pelajar. Pelajar yang memiliki konsep sendiri yang positif akan dapat mengatasi segala halangan dan rintangan untuk mereka berjaya. Bagi pelajar yang memiliki konsep sendiri yang positif juga akan lebih menghargai diri, bercita-cita tinggi serta amat berkebolehan dalam sesuatu bidang yang mereka minat (Nurzaira Azreena, 1996). Sewajarnya mereka yang memiliki konsep sendiri positif juga akan menunjukkan tahap kemahiran kebolehkeraan yang tinggi. Penerapan konsep sendiri dalam diri setiap pelajar dapat membantu kolej vokasional menempatkan pelajar dengan mudah dalam pasaran industri semasa.

Selain itu efikasi sendiri juga dilihat sebagai batu loncatan kepada pelajar untuk berjaya terutama yang memiliki efikasi sendiri positif (Noornajihan, 2014). Pelajar yang memiliki konsep sendiri positif sentiasa bersemangat dan tidak mudah berputus asa dalam apa jua bidang yang diceburi. Fadhillah Abtholudin (2013) mendapati bahawa efikasi sendiri mempengaruhi kemahiran kebolehkeraan. Semakin tinggi nilai efikasi individu akan meningkatkan kemahiran kebolehkeraan individu tersebut. Model Gibson (1997) menunjukkan bahawa efikasi sendiri memainkan peranan sebagai motivasi untuk membentuk pencapaian yang cemerlang. Mereka berupaya mengadaptasi diri dengan suasana kerja yang baru dengan memiliki efikasi sendiri yang tinggi (Robbins, 1989). Ini menunjukkan bahawa dengan meningkatkan efikasi sendiri pelajar dapat meningkatkan kemahiran kebolehkeraan.

Manakala kepastian kerjaya dilihat sebagai sesuatu keperluan yang perlu untuk meningkat kemahiran kebolehkeraan. Pelajar ini di lihat memiliki kemahiran kebolehkeraan yang tinggi apabila mereka mempunyai kepastian kerjaya. Kepastian kerjaya yang mereka mahukan menjadikan pelajar ini lebih bersemangat dan positif dalam memilih pekerjaan dan sanggup menghadapi cabaran yang akan diterima dalam

kerjaya yang dipilih. Penyelidikan terdahulu banyak memberi tumpuan dalam membangunkan pelbagai langkah untuk mengkaji perbezaan individu dalam kepastian kerjaya (Osipow, Gati & Krausz, 1996). Kebiasaan masalah yang wujud dalam membuat kepastian kerjaya Osipow dan Fitzgerald, (1996) dan Super (1953) adalah suatu proses yang normal dalam peringkat perkembangan kepastian kerjaya. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada diri individu dalam meningkatkan kemahiran keboleherjaan dengan mengambil kira faktor konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya.

### **1.3 Pernyataan Masalah Kajian**

Menurut Mohd Hazwan (2015), Malaysia menghadapi masalah pengangguran dalam kalangan graduan universiti. Hal ini demikian kerana, majikan dan industri menegaskan bahawa terdapat kekurangan dari segi kemahiran keboleherjaan dalam kalangan graduan, Normala Rahmat, Abdul Rahman dan Yahya Buntat (2016). Tambahan pula, majikan bersifat lebih selektif dalam memilih calon pekerja kerana berlaku permintaan terhadap sumber manusia, Sharifah Hana, Zaini Yusnita, Rabi'ah Muhamad, dan Maffuza Salleh (2015). Malah, Mohamad Sattar Rasul et al. (2012) menyatakan bahawa majikan memerlukan pekerja yang memiliki kemahiran keboleherjaan yang tinggi, terutamanya dalam industri pengilangan. Dalam pada itu, Nik et al. (2012) menyatakan bahawa majikan memilih pekerja yang memiliki kemahiran keboleherjaan yang tinggi sebagai faktor utama dalam pemilihan pekerja.

Kajian-kajian terdahulu telah menyatakan bahawa kemahiran keboleherjaan merupakan suatu kemahiran yang sangat penting di mana membolehkan pelajar mendapat pekerjaan melalui kemahiran yang dimiliki, di samping kemahiran yang diperlukan oleh bidang pekerjaan mereka (Yorke, 2004). Kemahiran keboleherjaan ini diperoleh melalui penilaian jati diri pelajar yang ingin menguasai sesuatu bidang pekerjaan (Bennett, Richardson & MacKinnon, 2016). Ahmad Lutfi Kandar (2014) turut menegaskan bahawa elemen kemahiran keboleherjaan merupakan elemen penting dalam memperoleh pekerjaan, di mana kemahiran ini membolehkan mereka berada dalam pasaran industri. Hal ini demikian kerana, pertumbuhan ekonomi nasional menuntut peningkatan bilangan graduan dalam bidang PTV (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Justeru, pelajar lepasan PTV diberi keutamaan dalam melahirkan kemahiran keboleherjaan yang bersesuaian dengan diri mereka (Dania, J., Ab Rahim, & Shamsiah Mohamed, 2014). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Noorah Yusuf, Zakiah Jamaludin, dan Norain Mat Lazim (2013), di mana kajian ini membincangkan sifat graduan dalam kesediaan kemahiran keboleherjaan yang diperlukan oleh industri sebelum mereka memasuki pasaran pekerjaan.

Oleh hal yang demikian, penyelidik mengambil inisiatif untuk menjalankan sebuah kajian bagi menentukan tahap konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya terhadap kemahiran keboleherjaan pelajar program kejuruteraan kolej vokasional di Selangor. Penyelidik juga berminat untuk menentukan hubungan antara konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya dengan kemahiran keboleherjaan pelajar program kejuruteraan kolej vokasional di Selangor serta menentukan konsep

kendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya adalah faktor peramal kemahiran keboleherjaan pelajar tersebut.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

1. Menentukan tahap konsep sendiri, efikasi sendiri, kepastian kerjaya dengan kemahiran keboleherjaan pelajar program kejuruteraan kolej vokasional di Selangor.
2. Menentukan hubungan antara konsep sendiri, efikasi sendiri, kepastian kerjaya dengan kemahiran keboleherjaan pelajar program kejuruteraan kolej vokasional di Selangor.
3. Menentukan konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya adalah faktor peramal kemahiran keboleherjaan pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap kemahiran keboleherjaan pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor?
2. Apakah tahap konsep sendiri pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor?
3. Apakah tahap efikasi sendiri pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor?
4. Apakah tahap kepastian kerjaya pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya dengan kemahiran keboleherjaan dalam kalangan pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor?
6. Apakah faktor peramal yang mempengaruhi kemahiran keboleherjaan pelajar kejuruteraan kolej vokasional di Selangor?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemahiran keboleherjaan pelajar kejuruteraan di negeri Selangor terhadap faktor konsep sendiri, efikasi sendiri dan kepastian kerjaya yang mempengaruhi kemahiran keboleherjaan. Dapatan kajian ini dapat membantu pelajar mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kemahiran keboleherjaan yang diperlukan untuk menempatkan diri pelajar dalam bidang

pekerjaan. Di samping ia memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran selain kemahiran akademik dan kemahiran teknikal.

